

# 20 kawah bubur lambuk simbolik pertubuhan Kuin

KUALA KETIL - Bersempena 20 tahun penubuhan Kolej Universiti Insaniah (Kuin), 20 kawah bubur lambuk disediakan dalam satu Majlis Rewang Bubur Lambuk yang diadakan baru-baru ini.

Dekan Kuliyah Hospitaliti dan Perkhidmatan Halal, Prof Madya Dr Ibrahim Abdul Hamid berkata sebanyak 20 kawah bubur lambuk dimasak sebagai simbolik sambutan 20 tahun penubuhan pusat pengajian tersebut.

Menurutnya, program itu merupakan sejarah bagi Kuin apabila

**“Program itu merupakan sejarah bagi Kuin apabila pelajar dan tenaga pengajar menyediakan 20 kawah bubur lambuk secara bergotong-royong sebelum diedarkan kepada warga Kuin.” - Dr Ibrahim**

pelajar dan tenaga pengajar menyediakan 20 kawah bubur lambuk secara bergotong-royong sebelum diedarkan kepada warga Kuin.

“Alhamdulillah dan tahniah kepada pengarah program iaitu Muhammad Zulfadhl Abd Rahim yang juga pelajar kita ber-

jaya mencipta sejarah tersendiri kepada Kuin kali ini.

“Kita harap pada masa akan datang dapat lagi mengadakan aktiviti bukan sahaja mencipta sejarah tetapi memberi manfaat kepada pelajar kerana mampu mengeratkan hubungan silaturahim,” katanya.



Antara pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti mengacau bubur lambuk sebanyak 20 kawah sebagai simbolik 20 tahun penubuhan Kuin.